



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Februari 2025
05 Sya'ban 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• OceanX kaji ekosistem dan ekologi perairan Pahang
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Dally	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			20-21	04-02-2025



DARI kiri: Rodrigue, Dallo dan Maizah merupakan antara individu yang terlibat dalam misi OceanX di sekitar perairan Pahang.



Rencana Utama

Oleh
GHAZALI ALIAS

OceanX kaji ekosistem dan ekologi perairan Pahang

MISI OceanX Malaysia 2024 di perairan Pahang memainkan peranan penting dalam membantu penyelidik memantau perubahan jangka panjang pada terumbu dan ekosistem sekitarnya.

Misi penting itu dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan rakan penyelidikan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan New York University Abu Dhabi (NYUAD).

Penyelidikan itu turut mendapat sokongan daripada Kerajaan Malaysia dan Malaysia Ocean Research Alliance (MORA).

Berkongsi tentang perjalanan misi, Pengarah Program Sains, OceanX, Mattie Rodrigue berkata, penyelidikan itu melibatkan ratrial ahli sains Malaysia dan dilaksanakan dalam tiga fasa berbeza.

"Dalam Fasa Satu, kumpulan tersebut telah meneroka lebih daripada 350 kilometer (km) persegi kawasan lautan.

"Ia diikuti dengan tinjauan mega fauna yang meliputi lebih dari 1,000 batu (1,620km) untuk pemerhatian dan menyenaraikan kumpulan ikan lumba-lumba tempatan dan haiwan laut besar lain.

"Dalam Fasa Dua, para ahli sains Malaysia menggunakan sonar berbilang pancaran (*multibeam sonar*) untuk menghasilkan peta beresolusi tinggi bagi terumbu berhampiran pantai.


"Kami turut menjalankan beberapa tinjauan menggunakan kenderaan yang dikendalikan dari jauh (*remotely-operated vehicle* atau ROV) dan penyelaman visual SCUBA untuk menilai kepelbagaian habitat di kawasan terumbu," ujarnya.

Katanya lagi, terumbu karang berhampiran pantai itu kaya dengan biodiversiti marin dan berfungsi sebagai kawasan pembiakan penting bagi pelbagai spesies marin.

INFO Ocean X

- OceanX merupakan organisasi tidak berasaskan keuntungan global yang menyokong saintis meneroka lautan
- OceanX menggunakan teknologi moden dan sains untuk mendidik, memberi inspirasi dan menghubungkan dunia dengan lautan serta membina komuniti global
- Diasaskan oleh Mark Dallo, organisasi ini merancang untuk melaksanakan pelbagai projek di seluruh Asia Tenggara termasuk mengkaji lautan dengan kerjasama saintis serta kerajaan tempatan
- Maklumat tentang OceanX boleh disemak menerusi laman web, www.oceanx.org atau media sosial OceanX di YouTube, Facebook, Instagram, TikTok, X dan LinkedIn

KAPAL OceanXplorer boleh membantu saintis menjalankan penyelidikan di dasar laut.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF	✓	NEGATIF		NEUTRAL	21	04-02-2025

Dalam Fasa Tiga pula, penyelidik menjejajah ke barisan hadapan terumbu karang dengan menggunakan teknik tinjauan visual SCUBA untuk menilai keadaan kesihatan terumbu di Taman Marin Pulau Tioman selepas kerja pemutihan terumbu karang dilakukan.

Para penyelidik menggunakan program ReefCloud AI yang melatih mereka untuk memanfaatkan alat analisis canggih dalam usaha membantu mempertingkatkan kerja penyelidikan serta pemuliharaan terumbu karang.

Program itu juga mengautomasikan analisis sejumlah besar imej terumbu, sekali gus mempercepatkan dan menambah ketepatan pemantauan kesihatan serta biodiversiti karang.

Bercakap tentang ReefCloud AI, Rodrigue menjelaskan, program berkenaan membolehkan penyelidik memantau perubahan dalam liputan terumbu, kepelbagaian spesies dan petunjuk kemerosotan secara masa nyata.

"Alat ini menyediakan data penting yang menyokong tindakan pemuliharaan lebih cepat dan strategi pengurusan mudah suai terutamanya sebagai tindak balas kepada perubahan iklim serta aktiviti manusia."

"Dalam fasa ini, kenderaan dikendalikan dari jauh iaitu ROV digunakan untuk menyelidik habitat mesofitik yang terletak pada kedalaman lebih 30 meter di sekitar Pulau Tioman," katanya.

Kongsinya lagi, buat pertama kali, penyelidik Malaysia berjaya melakukan penilaian menyeluruh tentang biodiversiti mesofitik di perairan Pahang dengan dibantu teknologi canggih kapal OceanXplorer.

Habitat itu memainkan peranan penting dalam menyokong spesies ikan yang mempunyai nilai ekonomi dan ekologi signifikan bagi kawasan tersebut.

Sebagai sebahagian daripada misi OceanX, sebanyak 16 stesen telah dibangunkan secara rasmi untuk program pemantauan dan penyelidikan lautan pada masa hadapan.

Stesen itu juga boleh digunakan untuk kajian pengasidan lautan dan isoscape (peta isotop) untuk Malaysia, buntingi.

"OceanXplorer adalah kapal paling canggih yang pernah dibina untuk menjalankan misi penerokaan, penyelidikan dan media."

"Dengan bantuan teknologi di atas kapal ini, kami telah mengumpulkan data yang dapat membantu memahami keadaan hidrodinamik di kawasan ini sebelum tibanya musim monsun."

"Kami menggunakan maklumat ini untuk mengesahkan model lautan dan pemantauan sedia ada yang telah dibangunkan oleh UMT," tuturnya.

Dalam pada itu, pakar sains daripada UMT, Prof. Madya Dr. Maizah Mohd. Abdullah memaklumkan, misi OceanX telah membuka laluan kepada pengetahuan menerusi kaedah inovatif dan kajian yang dilaksanakan.

"Kerjasama UMT dengan OceanX bukan sahaja memberi pencerahan, malah membuka peluang kepada ahli sains merintis beberapa pencapaian penyelidikan. Kami sedang mengumpulkan data melalui kaedah inovatif yang memberikan kami pengetahuan baharu."

"Malah selepas misi ini, agenda kami yang seterusnya adalah untuk menganalisis data dan berkongsi penemuan dengan kerajaan negeri Pahang serta pihak berkepentingan lain."

"la bagi memastikan manfaatnya dapat



PARA penyelidik menggunakan ROV termaju OceanXplorer untuk kerja-kerja penyelidikan di bawah air.



SALAH seorang penyelidik melakukan kerja-kerja mengumpul data di kawasan terumbu karang.



TERUMBU karang di sekitar perairan Pahang kaya dengan pelbagai biodiversiti marin.



Alat ini menyediakan data penting yang menyokong tindakan pemuliharaan lebih cepat dan strategi pengurusan mudah suai terutamanya sebagai tindak balas kepada perubahan iklim serta manusia."

dinikmati oleh semua pihak dalam usaha menyokong pemuliharaan marin dan usaha menangani perubahan iklim," kongsinya.

Selain aktiviti penyelidikan di laut, OceanX Education telah menganjurkan beberapa lawatan pendidikan di atas OceanXplorer ketika berlabuh di Port Klang.

Program pendidikan itu melibatkan lebih 200 pelajar dan pendidik.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha untuk memberi pendedahan kepada generasi muda tentang teknologi serta peluang meneruskan kerjaya dalam bidang marin.

"Lawatan ini memberi peluang unik kepada pelajar untuk meneroka kapal tersebut dan merasai sendiri keupayaan OceanXplorer secara langsung."

"Pada masa sama, mereka dapat mengetahui potensi kerjaya dalam bidang berkaitan lautan."

"Melalui lawatan pendidikan ini, kami memberi tumpuan terhadap usaha memberi inspirasi kepada generasi muda sebagai penjelajah lautan, penyelesaian masalah dan penyokong sambil mempelajari serta melibatkan diri dengan lautan," kata Dalio.

Katanya, pihaknya juga merancang untuk melaksanakan pelbagai projek di seluruh Asia Tenggara selepas ini.

"Kami sedang dalam perbincangan dengan kerajaan di seluruh rantau ini untuk menganjurkan ekspedisi lebih besar," katanya.